



KENYATAAN MEDIA

YAB PERDANA MENTERI

BANTUAN KEHILANGAN PENDAPATAN (BKP) KEPADA 870 RIBU INDIVIDU

Kerajaan terus komited dalam memastikan kesejahteraan Keluarga Malaysia, terutama kumpulan sasar yang terjejas akibat pandemik COVID-19 sentiasa terbela.

Bagi membantu rakyat yang terkesan, **Bantuan Kehilangan Pendapatan (BKP)** sebanyak **RM500** akan diberikan secara **one-off** mulai **Selasa, 26 Oktober 2021**.

Bantuan ini akan memberi manfaat kepada hampir **870 ribu individu yang telah hilang pendapatan pada tahun 2021**.

Kesemua bantuan ini melibatkan implikasi kewangan sebanyak **RM434 juta** demi memastikan kesejahteraan Keluarga Malaysia.

BKP diberikan kepada pekerja yang kehilangan sumber pendapatan berdasarkan data Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) atau PERKESO dalam tahun 2021.

Semakan status kelulusan BKP boleh dibuat mulai 26 Oktober 2021 melalui Portal BKP, iaitu <https://bkp.hasil.gov.my>.

Untuk maklumat lanjut, penerima BKP juga boleh merujuk Soalan Lazim (FAQ) yang turut dimuat naik di portal berkenaan.

Semoga bantuan ini dan juga bantuan tunai lain yang disediakan kerajaan dapat mengurangkan beban kewangan Keluarga Malaysia dalam mengharungi tempoh yang masih mencabar ini.

DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB

25 OKTOBER 2021

#KeluargaMalaysia

#BekerjaBersamaRakyat